

- (iv) Tidak dipinda bagi menyesuaikan dengan harga tender-tender yang diterima.
- (V) Sekiranya Anggaran Jabatan didapati tidak munasabah dan mengandungi kesilapan serius selepas tarikh dan waktu tender dibuka, penjelasan mengenainya hendaklah dinyatakan di dalam Laporan Penilaian Tender.³

7.3 Jawatankuasa Penilaian Tender, Keahlian dan Tugas Jawatankuasa

7.3.1 Pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan tender.

7.3.2 Proses penilaian tender hendaklah disiapkan dan dilaksanakan seboleh-bolehnya tidak melebihi tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh tawaran tender dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian.

7.3.3 Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua Jawatankuasa.

7.3 Penilaian Tender

7.3.1 Peraturan baru penilaian tender-tender kerja hendaklah digunakan⁴ bagi semua tender kerja Persekutuan dan dibiayai oleh peruntukan wang tempatan, termasuk kerja Mekanikal dan Elektrik sama ada dilaksanakan secara kontrak langsung atau secara sub-kontrak yang dinamakan.

7.3.2 Penilaian tender hendaklah dibuat ke atas aspek-aspek berikut:

- (a) Memenuhi kesemua syarat yang dinyatakan di dalam Borang Tender. Tender-tender hendaklah dinilai bagi menentukan sama ada ketidaksempurnaan di dalamnya mungkin menyebabkan ikatan kontrak tidak boleh diwujudkan

³ Surat Arahan KPKR (61) dlm KPKR.020.050/03 Klt. 3 bertarikh 25/5/2000

⁴ Surat Arahan KPKR 4/1993 bertarikh 5 April 1993, SPKPKR (93)JKR.KPKR.020.050/03 Klt.5 bertarikh 24 Mac 2004 Penggunaan dan Penetapan Harga 'Cut-off' bertarikh 6/1/2005 dan 20/5/2004 dan SP KPKR (85) dlm. JKR.KPKR:020.050/03 Klt.5 bertarikh 17 Disember 2003